



Kesan banjir kilat di Kampung Melayu Sri Kundang.



Lailly Azewin (kiri) dan Alya Natasha membersihkan barang perniagaan baju terpakai selepas rumahnya dimasuki air akibat banjir kilat di Kampung Melayu Sri Kundang.



Muhammad Idris (dua kanan) membersihkan rumahnya selepas dimasuki air akibat banjir kilat.

# Tambak laluan sungai punca bah

➔ Penduduk resah setiap kali hujan lebat

Oleh Norrasidah Arshad  
norrasidah@bh.com.my

## ► Sungai Buloh

Sistem perparitan yang tidak dinaik taraf menyebabkan penduduk Kampung Melayu Sri Kundang, dekat sini, resah setiap kali hujan melanda kawasan berkenaan.

Merekaimbang keadaan itu akan mencetuskan banjir ditambah dengan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah penduduk kampung yang ditakwa menambak kawasan laluan sungai untuk dijadikan tapak bagi membina rumah.

Dengan kejadian banjir terbaru pada petang Ahad lalu yang menyebabkan kira-kira 20 rumah dimasuki air sehingga paras dada, penduduk berharap masalah yang berlarutan sejak lima tahun itu mendapat perhatian pihak berkeaitan bagi menanganinya.

Bagi penduduk mereka sudah tidak lagi sanggup membersihkan

rumah setiap kali rumah dinaiki air selain menanggung kerugian kerana banyak barangan yang rosak.

Seorang penduduk yang rumahnya dinaiki air pada kejadian Ahad lalu, Siti Hamizah Mokhtar, 48, mendakwa beberapa tahun kebelakangan ini, ada penduduk yang menambak kawasan laluan sungai untuk dijadikan tapak membina rumah.

### Punca banjir kilat

Katanya, tindakan penambakan kawasan saliran air itu sekali gus menutup laluan anak sungai dan menjadi punca banjir kilat.

"Selama ini boleh bertahan tetapi banjir pada Ahad lalu hingga paras dada menyebabkan saya tidak sanggup lagi untuk menjadi mangsa," katanya.

Siti Hamizah yang juga seorang peniaga berkata, hujan lebat selama empat jam pada petang Ahad lalu menyebabkan dua buah kereta dan sebuah van rosak manakala barangan bundle yang ditiadakan serta perabot di



Selama ini boleh bertahan tetapi banjir pada Ahad lalu hingga paras dada menyebabkan saya tidak sanggup lagi untuk menjadi mangsa"

Siti Hamizah Mokhtar,  
Penduduk

rumahnya musnah.

Yang Turut musnah, pakaian serta peralatan sekolah anaknya serta beberapa dokumen penting.

"Masalah kami yang tinggal di Blok F kawasan perkampungan ini sudah disuarakan beberapa kali kepada pihak berkenaan, namun tiada sebarang tindakan diambil. Sampai bila kami harus menjadi mangsa dan hidup dalam ketakutan setiap kali hujan."

"Ketua Kampung juga tahu punca masalah ini. Sebagai penduduk yang hidup berjiran, kami tidak boleh mengur sesuka hati kerana ia boleh menyebabkan pergaduhan," dakwanya.

Sumainya, Abas Othman, 47, berkata mereka yang menjadi mangsa meryau supaya masalah itu diselesaikan dengan cara terbaik.

Katanya, tidak mustahil banjir akan menjadi lebih teruk sekiranya puncanya tidak ditangani segera.

"Kami mohon semua pihak mengambil tindakan serta membantu kami. Kami tidak mahu menjadi mangsa lagi," katanya.